

09/12/2001

PM mahu Tabung Haji lebih profesional

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Tabung Haji supaya membuat setiap keputusan dengan lebih cekap dan profesional bagi mengembalikan semula keyakinan masyarakat terhadap pengurusan simpanan dan pelaburan dengan lembaga itu.

"Perdana Menteri turut menyarankan supaya sebarang keputusan tidak diputuskan oleh seorang pegawai tetapi oleh jawatankuasa yang meneliti dengan mendalam sesuatu perkara.

"Perdana Menteri arah supaya semua keputusan ialah berlandaskan fakta-fakta yang tepat, yang betul, yang terkini dan membuatnya mengikut peraturan-peraturan," kata Pengerusi Lembaga Tabung Haji Tan Sri Zainol Mahmood.

Kebimbangan Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan itu diluuhkannya kepada beliau ketika menyerahkan buku akaun simpanan Tabung Haji milik Perdana Menteri di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah Urusan merangkap Ketua Eksekutif Tabung Haji, Mohd Bakke Salleh dan Pengurus Besar Kanan (Pendeposit), Datuk Ujang Siakir.

Pertengahan bulan lalu, polis mencari tiga lelaki yang dipercayai dapat membantu penyiasatan kes pengeluaran wang menggunakan kad pengenalan palsu pendeposit Tabung Haji berjumlah RM8.965 juta.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai dilaporkan berkata: "Kita sudah mengenal pasti orang yang disyaki dalam kes itu tetapi pada peringkat ini kita tidak boleh membuat kesimpulan penyiasatan sudah lengkap 100 peratus.

"Ini kerana kita perlu menahan mereka terlebih dahulu dan mendapatkan maklumat lanjut bagi membantu memperkemas siasatan," katanya.

Untuk memantapkan pengurusan Tabung Haji, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin mengumumkan tujuh tokoh yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang termasuk perniagaan, syarie dan kewangan diumumkan sebagai anggota panel pelaburan lembaga itu.

Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Capital Partners Berhad, Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail diumumkan sebagai pengerusi panel berkenaan.

Mereka yang menganggotai panel itu adalah Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syarie, Datuk Sheikh Ghazali Abd Rahman; Ketua Pengarah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, Dr Abd Malek Awang Kecil; Pengarah Eksekutif MBF Holdings Berhad, Azizan Abdul Rahman; Ketua Perkhidmatan Korporat Amanah Capital Malaysia Bhd, Wahid Omar; Pengarah Hartanah Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, Mohd Bakke Salleh dan dua ahli perniagaan, Datin Paduka Zahridah Ismail dan Toh Puan Dr Hayati Mohammad.

Zainol juga memetik nasihat Perdana Menteri agar semua jemaah haji Malaysia bagi musim ini supaya tidak berbelanja keterlaluan ketika di Tanah Suci kerana ia boleh memberi kesan negatif kepada ekonomi negara.

Dr Mahathir mahu mereka jimat berbelanja dengan ala kadar kerana sekitar RM79 juta wang mengalir keluar ketika berada di Makkah.

Seramai 23,000 jemaah haji Malaysia musim ini akan mengerjakan haji dengan kumpulan pertama jemaah akan berlepas ke Tanah Suci pada 17 Januari ini menggunakan perkhidmatan penerbangan syarikat Saudi Arabian Airlines dan Air Asia.

(END)